



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **OPS PEWA: JPJ PERKETAT PENGUATKUASAAN, TIADA KOMPROMI TERHADAP PELANGGAR UNDANG-UNDANG**

---

**BALAKONG** – Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah melaksanakan **Ops Pemandu Warga Asing (PEWA)** secara bersepadu bersama **Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)** pada **23 Februari 2026** (Isnin) bermula jam **6.30 pagi** di sekitar kawasan **Balakong, Selangor**. Operasi ini melibatkan keanggotaan **seramai 30 pegawai dan anggota JPJ** dengan sokongan **10 pegawai JIM**, sebagai sebahagian usaha berterusan **memperkukuh penguatkuasaan** terhadap pemandu warga asing.

Untuk makluman, sebanyak **sebelas (11) buah kenderaan** telah diperiksa melibatkan 10 motolori di bawah **7,500 kilogram** dan **1 kenderaan lain**, dan kesemuanya telah diambil tindakan penguatkuasaan. **Tiga (3) kesalahan paling utama** yang direkodkan ialah **tiada Lesen Vokasional (GDL)** sebanyak **16 kes**, diikuti **tiada Lesen Memandu Kompeten (CDL)** sebanyak **10 kes** serta **tiada Lesen Kenderaan Motor (LKM)** sebanyak **4 kes**.

Sejumlah **47 notis tindakan** telah dikeluarkan melibatkan pelbagai peruntukan undang-undang, termasuk **34 notis (P)22**, serta notis di bawah **Seksyen 61(1), 63(1) dan 64(1) Akta Pengangkutan Jalan**. Dalam operasi sama, pihak JIM telah menahan **13 warga asing, terdiri daripada enam (6) warganegara Pakistan, lima (5) warganegara India, seorang (1) warganegara Nepal dan seorang (1) warganegara Bangladesh** untuk tindakan lanjut.

JPJ sekali lagi menegaskan bahawa **tiada toleransi** akan diberikan terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang jalan raya. Tindakan penguatkuasaan termasuk **sitaan kenderaan, pengeluaran notis dan pendakwaan** akan terus dilaksanakan secara konsisten dan menyeluruh.

JPJ juga memberi amaran keras kepada **pemilik kenderaan dan majikan** supaya tidak membenarkan warga asing memandu tanpa kelayakan serta dokumen sah. Sebarang kegagalan mematuhi peraturan boleh menyebabkan **tindakan undang-undang diambil tanpa kompromi**.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

**23 FEBRUARI 2026**

**[TAMAT]**